

# Hapus budaya 'Little Napoleon' tangani rasuah di Cameron

Seluruh negara masih bersedih dengan tragedi banjir lumpur dan tanah runtuh di sekitar Lembah Bertam, Cameron Highlands baru-baru ini yang mana tragedi terbabit mengakibatkan kehilangan nyawa, kecederaan ramai orang serta kemusnahan harta benda.

Antara isu hangat ialah penerokaan haram tanah di kawasan lereng bukit serta penempatan haram pendatang tanpa izin yang dikatakan wujud dalam skala yang besar serta dikatakan menjadi salah satu punca kejadian.

Banjir lumpur dan tanah runtuh bukanlah perkara baharu di kawasan terbabit. Pada Oktober tahun lalu, banjir lumpur juga berlaku di Lembah Bertam yang mengorbankan beberapa nyawa. Ini menunjukkan perkara ini sudah lama berlaku, namun tiada tindakan serius diambil untuk mengatasinya. Selain itu, adakah perkara ini hanya berlaku di Cameron Highlands? Bagaimana

dengan kawasan bukit lain di seluruh negara kita, adakah ia selamat daripada sebarang pencerobohan oleh pihak tidak bertanggungjawab?

## Penguatkuasaan lemah

Sering diperkatakan kebelakangan ini bahawa semua itu berlaku kerana penguatkuasaan undang-undang yang lemah serta wujudnya elemen rasuah.

Secara realistiknya, pada zaman moden ini, tiada negara yang terkecuali ataupun bebas daripada masalah rasuah.

Tragedi yang berlaku di Cameron Highlands membuka mata banyak pihak mengenai isu rasuah ini. Kenapakah perkara ini boleh berlaku? Antara jawapan mudah ialah faktor tamak serta sikap ingin mengambil jalan mudah mendapatkan sesuatu tanpa daya usaha atau cara dan saluran yang betul.

Sebelum masalah ini semakin parah, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing bagi

membendung masalah ini daripada berterusan. Usaha membasmi masalah rasuah dalam negara kita boleh diambil dengan mengambil segala langkah yang komprehensif dan drastik meliputi semua sudut.

Antaranya ialah dengan menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang dan hukuman berkaitan dengan isu rasuah seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575), Kanun Keseksaan (Akta 574), dan lain-lain lagi.

Hal ini adalah perlu bagi memastikan pengamal rasuah akan berfikir banyak kali sebelum menawarkan rasuah. Hukuman berat perlu kepada pesalah rasuah agar mereka serik untuk melakukannya serta dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat umum.

Melalui langkah ini juga seluruh masyarakat akan sedar betapa bahayanya kesan yang diperolehi daripada rasuah ini. Usaha galkan juga harus diberikan kepada

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@  
bh.com.my**

2010 (Akta 711), dan lain-lain lagi. Selain aspek penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan kesalahan rasuah ini, pihak kerajaan juga hendaklah melihat serta mengkaji semula segala undang-undang serta peraturan sedia ada mengenai pengambilan atau penggunaan tanah. Jika prosedur terlampau ketat, menyusahkan dan banyak membabitkan urusan birokrasi, ini juga boleh dikatakan menjadi punca kepada masalah rasuah.

## Tukar pegawai elak budaya 'Little Napoleon'

Pegawai yang bertugas dengan sesebuah jabatan juga hendaklah ditukar pada setiap tahun bagi mengelakkan kewujudan budaya 'little napoleon' serta penyalahgunaan kuasa.

Seluruh masyarakat juga hendaklah berganding bahu membendung masalah rasuah ini daripada berterusan berlaku dengan melaporkan segera kepada pihak berwajib jika terlihat sesuatu yang luar biasa. Tindakan pantas mereka adalah penting bagi mengelakkan perkara lebih buruk daripada berlaku seperti tragedi di Cameron Highlands.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan,  
Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU),  
Universiti Sains Islam Malaysia

individu serta masyarakat umum yang ingin tampil membantu bagi mengatasi permasalahan ini.

Pihak berkuasa hendaklah sentiasa memastikan segala akta yang berkaitan dapat membantu golongan terbabit tampil membantu dan menyalurkan segala maklumat yang berkaitan dengan kesalahan rasuah tanpa rasa takut serta menghadapi sebarang masalah sampingan.

Ini dapat dilakukan melalui akta yang berkaitan seperti Akta Melarikan Orang dan Mengugut Saksi Secara Jenayah 1947 (Pindaan 1977) (Akta 191), Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696), Akta Perlindungan Pemberi Maklumat